ZAINUN MOHD NOOR & SATU LAGI A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
SULONG MATJERAIE HMR
AZHAR MA'AH HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: T-05-104-2008]
22 DISEMBER 2011 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Mengedar 12.25 gram heroin - Sabitan dan hukuman - Rayuan terhadap - Sama ada terdapat sebarang fakta yang menyamakan identiti 'Mak Long' sebagai perayu pertama - Sama ada perayu pertama dibuktikan membuat rundingan tentang penjualan dadah - Sama ada hakim bicara menilai dengan secukupnya isu pengedaran - Sama ada perayu kedua mempunyai niat bersama mengedar dadah - Kanun Keseksaan, s. 34 - Sama ada sabitan dan hukuman adalah selamat* D E

UNDANG–UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 12(2) - Pemilikan - Memiliki 9.57 gram heroin - Sabitan dan hukuman - Rayuan terhadap - Sama ada terdapat sebarang fakta yang menyamakan identiti 'Mak Long' sebagai perayu pertama - Sama ada perayu pertama dibuktikan membuat rundingan tentang penjualan dadah - Sama ada perayu kedua mempunyai niat bersama - Kanun Keseksaan, s. 34 - Sama ada sabitan dan hukuman adalah selamat* F

Perayu pertama dan perayu kedua telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan dua pertuduhan iaitu (i) dalam niat bersama mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 12.25g di hadapan Stesen Minyak BP di Besut, Terengganu yang merupakan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952; (ii) dalam niat bersama memiliki dadah berbahaya iaitu heroin seberat 9.57g yang merupakan satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Fakta menunjukkan bahawa SP8, bertindak sebagai penyamar sulit dan menyamar diri sebagai seorang pengedar dadah, telah berhubung terus dengan seseorang yang digelar 'Mak Long' untuk urusan jual beli dadah. Anggota serbuan pasukan polis termasuk SP5 dan SP8 telah menunggu di Stesen Minyak BP tersebut pada hari yang ditetapkan. Menurut G H I

SP8, 'Mak Long' telah menelefon SP8 dan memberitahu yang beliau akan sampai di tempat yang dijanjikan dengan sebuah teksi DU 3319. Sebuah teksi sepertimana butirannya yang dinyatakan oleh 'Mak Long' berhenti di hadapan stesen minyak tersebut dan perayu pertama dilihat duduk di tempat duduk penumpang hadapan manakala perayu kedua merupakan pemandu teksi tersebut. Seterusnya, perayu pertama dan perayu kedua telah ditahan oleh anggota-anggota polis. Kedua-kedua perayu dan teksi tersebut bersama-sama semua barang kes yang dirampas (iaitu dua bungkusan yang mengandungi 15 plastik botol berisi serbuk putih) dibawa ke Balai Polis untuk pemeriksaan lanjut. Setelah menjalankan analisa, ahli kimia mendapati bahawa serbuk putih tersebut mengandungi heroin. Hakim bicara mendapati kedua-dua perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan. Hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap kedua-dua perayu bagi pertuduhan pertama dan hukuman selama 15 tahun bagi pertuduhan kedua. Perayu-perayu seterusnya mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Hujahan-hujahan peguam perayu-perayu adalah (i) tiada sebarang fakta secara langsung yang menyamakan identiti 'Mak Long' sebagai perayu pertama; (ii) tiada keterangan kukuh yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa perayu pertama telah membuat perundingan dengan SP8 tentang penjualan dadah kerana perundingan hanya melalui telefon dan tiada sebarang perjumpaan berlaku; (iii) Timbalan Pendakwa Raya (TPR) di akhir kes pendakwaan telah berhujah bahawa perbuatan perayu untuk 'menjual' dadah yang berkenaan kepada SP8 membuktikan elemen 'pengedaran'. Oleh yang demikian, keputusan hakim bicara yang sebaliknya menggunakan elemen 'transporting' boleh memprejudiskan perayu; (iv) tiada keterangan yang menunjukkan perayu kedua mempunyai niat bersama bagi pertuduhan pengedar dadah.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman-hukuman)

Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Dari keterangan SP8 dan SP5, adalah jelas bahawa kehadiran perayu pertama mahupun perayu kedua di stesen minyak tersebut bukanlah satu kebetulan. Hanya satu kesimpulan sahaja yang boleh dibuat iaitu bahawa Mak Long (iaitu orang yang dihubungi SP8 dalam beberapa percakapan telefon

berkaitan dengan urusan pembelian dadah dalam kes ini) adalah orang kena tuduh pertama. Hakim bicara telah membuat penemuan fakta yang betul. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan mahkamah ini mengganggu dapatan fakta tersebut. (perenggan 27 & 28)

(2) SP8 telah memberi keterangan yang jelas dan terperinci tentang rundingan antara beliau dengan perayu pertama bagi mendapatkan 17 botol heroin dan dua kandang pil kuda dengan harga RM9,000. SP8 adalah saksi yang bercakap benar dan mahkamah telah menerima keterangannya. Sungguhpun sebagai penyamar sulit, keterangan SP8 tidak memerlukan keterangan sokongan, namun dalam kes ini keterangan SP8 disokong, antaranya, dengan penemuan dadah-dadah daripada perayu pertama dan dari dalam teksi yang berkenaan serta butir-butir tentang tarikh dan masa panggilan telefon di antara SP8 dan perayu pertama, seperti terkandung di dalam rekod telefon P21 dan P22. Hakim bicara tidak melakukan salah arah dan telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa orang yang berunding dengan SP8 adalah perayu pertama. (perenggan 30)

(3) Hakim bicara sebagai hakim yang membicarakan kes ini tidak terikat dengan penghujahan TPR dalam membuat sesuatu keputusan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab seorang hakim bicara membuat sesuatu keputusan berdasarkan hanya kepada keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan dijalankan. Hakim bicara dalam penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati isu mengenai elemen 'pengedaran'. Tiada sebarang salah arahan di pihak hakim bicara berkaitan dapatan yang dibuat oleh beliau berkaitan dengan perkara ini. Hakim bicara telah menilai dengan secukupnya isu 'pengedaran' ini. (perenggan 34 & 35)

(4) Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa apabila sesuatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggungjawab atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila memutuskan terdapat keterangan yang menunjukkan niat bersama perayu kedua dan mengaplikasikan prinsip mantap undang-undang mengenai s. 34 Kanun Keseksaan kepada fakta kes ini. (perenggan 40)

A **(5)** Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan mereka atas pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan. Kedua-dua sabitan dan hukuman terhadap perayu pertama dan kedua adalah selamat. (perenggan 40)

B

English *Translation of Headnotes*

The first and second appellants were charged in the High Court with two charges: (i) trafficking in heroin weighing 12.25g with
C common intention in front of Petrol Station BP in Besut Terengganu, an offence under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952; and (ii) possession of heroin weighing 9.57g with common intention, an offence under s. 12(2) Dangerous Drugs Act 1952. The facts showed that SP8, acting as an agent provocateur and
D disguising himself as a drug trafficker, had contacted a person called 'Mak Long' for a sale of drugs transaction. The members of the police team including SP5 and SP8 were told to wait at the said BP Petrol Station on the appointed day. According to SP8, 'Mak Long' had called SP8 and told him that she would be
E arriving at the appointed place in a taxi DU 3319. A taxi fitting the said description by 'Mak Long' stopped in front of the said Petrol Station and the first appellant was seen sitting in the front passenger seat while the second appellant was the driver of the said taxi. The first and second appellants were subsequently
F detained by the police. Both the appellants and the said taxi along with the seized items (which were two packages containing 15 plastic bottles containing white powder) were brought to the Police Station for further inspection. After conducting an analysis, the chemist found that the said white powder contained heroin.
G The trial judge found both the appellants guilty and they were convicted of the said charges. The trial judge sentenced the two appellants to death for the first charge and 15 years imprisonment for the second charge. The appellants thus appealed to this court. The appellants submitted that (i) there were no facts that directly
H equated the identity 'Mak Long' as the first appellant; (ii) there was no sufficient evidence adduced by the prosecution that the first appellant had entered into negotiations with SP8 regarding the sale of drugs because negotiations were done through the phone and no meeting ever took place; (iii) the Deputy Public Prosecutor
I (DPP) at the end of the prosecution's case submitted that the act of the appellant in 'selling' the said drugs to SP8 established the

element of 'trafficking'. Therefore, the trial judge's decision in using the element of 'transporting' was prejudicial to the appellant; (iv) there was no evidence that showed the second appellant had common intention for the charge of drug trafficking.

Held (dismissing the appeal; upholding conviction and sentences)
Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) From the evidence of SP8 and SP5, it was clear that the presence of the first appellant and the second appellant at the said Petrol Station was certainly not a coincidence. Only one conclusion could be made which was that Mak Long (the person SP8 contacted in several phone conversations in connection with the purchase of the drugs) was the first appellant. The trial judge had made a proper finding of facts. There was no reason to justify the court's interference with the said finding of facts.

(2) SP8 had given clear and detailed evidence regarding the negotiations between him and the first appellant for 17 bottles of heroin and two horse pills for the price of RM9,000. SP8 was a reliable witness and this court accepted his evidence. Even though as an agent provocateur SP8's evidence did not require corroborative evidence, but in this case SP8's evidence was supported, such as, by the discovery of the drugs from the first appellant and from the said taxi along with the details of the date and time of the telephone call between SP8 and the first appellant, as contained in the telephone records P21 and P22. There was no misdirection by the trial judge who had made the correct decision when he held that the person negotiating with SP8 was indeed the first appellant.

(3) The trial judge as the judge who tried this case was not bound by the submissions of the DPP when coming to a decision. It is the duty and responsibility of the trial judge to make a decision based only on the evidence adduced during the course of the trial. The trial judge in his judgment had carefully and cautiously considered the 'trafficking' element. There was no misdirection on the part of the trial judge on the findings made by him regarding this matter. The trial judge had adequately assessed the issue of 'trafficking' herein.

(4) Section 34 of the Penal Code provides that when a criminal act is done by several persons in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone. The trial judge had correctly directed himself when he held that there was evidence showing the common intention of the second appellant and in applying the well established principles of law of s. 34 Penal Code to the facts of this case.

(5) The trial judge had made the correct decision when he found the two appellants guilty and convicted them of the said charges. Both the conviction and sentence of the first and second appellants was hence safe.

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Karim Pak Kub & Anor v. PP [1997] 2 CLJ 383 CA ***(refd)***
Mohamad Yazri Minhat v. PP [2003] 2 CLJ 65 CA ***(refd)***
PP v. Mohamed Halipah Adan [1981] CLJ 92; [1981] CLJ (Rep) 238 HC ***(refd)***
PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC ***(refd)***
Sabarudin Non v. PP & Other Appeals [2005] 1 CLJ 466 CA ***(refd)***
Teng Howe Sing v. PP [2008] 5 CLJ 186 CA ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 39A(2), 39B(1)(a), 398(2)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Mazlan Md Zain; T/n Mohd Yusof Endut & Assocs
Bagi pihak responden - Tetralina Ahmed Fauzi; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed HMR:

[1] Zainun bt Mohd Noor (perayu pertama) dan Azaha bin Abd Rani (perayu kedua) telah dituduh di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dengan dua pertuduhan.

[2] Bagi pertuduhan pertama, mereka berdua dituduh di dalam niat bersama mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 12.25g pada 7 Disember 2003 lebih kurang jam 1.30 petang, di hadapan Stesen Minyak BP, Kampung Jabi, Besut, Terengganu,

yang merupakan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama, dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan ("KK").

[3] Bagi pertuduhan kedua, mereka berdua pada masa dan tempat seperti mana yang dinyatakan di dalam pertuduhan pertama dituduh di dalam niat bersama memiliki dadah berbahaya iaitu heroin seberat 9.57g yang merupakan satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama, dibaca bersama s. 34 KK.

[4] Di akhir perbicaraan, YA hakim bicara mendapati kedua-dua perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan. Selanjutnya YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap kedua-dua perayu bagi pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua, YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh tangkap bagi setiap perayu.

[5] Kedua-dua perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

Fakta Kes

[6] Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh YA hakim bicara boleh diringkaskan seperti berikut.

[7] Pada 5 Disember 2003, Ketua Inspektor Mohd Fakruddin bin Ab Rahman ("SP5") telah menangkap seorang wanita bernama Maznah dan seorang lelaki bernama Marzuki dan telah merampas heroin dan pil kuda. Lanjutan dari tangkapan dan rampasan tersebut, SP5 telah memperolehi maklumat mengenai satu nombor telefon seorang yang bernama Mak Long.

[8] Pada keesokan harinya, jam lebih kurang 2.15 petang, SP5 telah mengetuai sepasukan polis membuat serbuan di sebuah rumah di Kg. Seladang yang membawa kepada penangkapan seorang bernama Muhammad Nasir bin Mohamed Yusof ("SP7"). SP7 telah diarahkan oleh SP5 untuk membuat panggilan telefon kepada nombor Mak Long untuk memberitahu Mak Long bahawa kononnya Marzuki dan Hasnah tidak ditangkap polis.

[9] Pada hari yang sama, SP5 telah juga mengarahkan Lans Koperal Mohd Zaimi bin Jaafar ("SP8") untuk bertindak sebagai penyamar sulit dan menyamar diri sebagai seorang pengedar dadah dengan panggilan Man yang berasal dari Kuala Lumpur. SP5 mengarahkan SP8 untuk berhubung terus dengan Mak Long untuk urusan jual beli dadah.

[10] SP8 telah menghubungi nombor telefon Mak Long (iaitu 019-9609587). Menurut SP8, orang yang menjawab panggilan telefon SP8 mengakui dirinya adalah Mak Long. Di dalam perbualan telefon tersebut, SP8 telah memberitahu 'Mak Long' bahawa kononnya urus niaga beliau untuk membeli dadah bernilai RM9,000 dengan Marzuki tidak berjaya dan Marzuki telah melarikan bayaran deposit sejumlah RM3,000. Di dalam perbualan tersebut, Mak Long juga telah mempelawa SP8 untuk berurusan pembelian dadah terus dengannya. SP8 berjanji akan menelefon Mak Long semula setelah memperolehi wang sejumlah RM9,000 untuk pembelian dadah tersebut.

[11] Tidak berapa lama kemudian, SP8 telah menelefon semula Mak Long dan menyatakan wang secukupnya telah diperolehi. SP8 bertanya Mak Long berapa jumlah dadah yang akan dapat dibeli dengan wang sebanyak RM9,000. Menurut Mak Long dengan jumlah tersebut SP8 dapat membeli 17 botol heroin dan dua kandang pil kuda. Seterusnya, Mak Long menyatakan bahawa urus niaga penjualan akan diadakan di Stesen Teksi Jerteh pada pagi 7 Disember 2003.

[12] Pada keesokan harinya, 7 Disember 2003, SP8 telah menelefon semula Mak Long dan memberitahunya bahawa beliau akan menghubunginya dari semasa ke semasa untuk pertemuan di Stesen Teksi Jertih.

[13] Sementara itu, pada sebelah pagi hari yang sama, SP5 dan SP8 serta beberapa anggota polis yang lain, telah tiba di Stesen Teksi Jertih kira-kira jam 11.35 pagi. SP8 kemudian menghubungi Mak Long dengan tujuan menukar tempat urusan pembelian dadah tersebut ke Kg. Jabi, Jertih dengan alasan bahawa terdapat anggota polis Narkotik di kawasan stesen teksi yang berkenaan. Pada jam 1.05 tengah hari, SP8 menerima panggilan telefon dari Mak Long. Mak Long memberitahu SP8 bahawa dadah akan diserahkan berhampiran tandas Stesen Minyak BP Kg. Jabi.

[14] Anggota serbuan pasukan polis termasuk SP5 dan SP8 kemudiannya terus bergerak ke Stesen Minyak BP Kg. Jabi. Tidak berapa lama kemudian, Mak Long menelefon SP8 dan memberitahu yang dia akan sampai di tempat yang dijanjikan dengan sebuah teksi No. DU 3319 berwarna hijau dengan bumbung berwarna kuning. Mak Long juga memberitahu SP8 bahawa pakaian yang dipakainya, iaitu, kain tudung berwarna putih, T-shirt kelabu dan seluar jeans berwarna biru.

[15] Pada jam lebih kurang 1.24 petang, SP8 nampak sebuah teksi sepertimana butirannya yang dinyatakan oleh Mak Long berhenti di hadapan Stesen Minyak BP Kg. Jabi. Di situ SP8 dan SP5 nampak perayu pertama duduk di tempat duduk penumpang hadapan manakala perayu kedua merupakan pemandu teksi tersebut. Perayu pertama dilihat keluar dari teksi. Selepas itu, teksi tersebut bergerak semula, membuat pusingan U, dan berhenti di seberang jalan di hadapan Stesen Minyak BP yang berkenaan.

[16] Sementara itu, SP8 melihat perayu pertama mengeluarkan telefon bimbitnya sambil menekan butang untuk mendail. Pada masa yang sama SP8 mendapati telefon bimbitnya bergegar dengan terkeluar nombor telefon bimbit Mak Long. SP8 tidak menjawab panggilan itu. SP8 menunjukkan telefon bimbitnya kepada SP5 dan memberitahu bahawa perayu pertama yang sedang berjalan dengan telefon di telinga itu adalah Mak Long. Selang beberapa saat selepas panggilan pertama tadi, telefon SP8 bergegar lagi dengan panggilan dari nombor telefon Mak Long.

[17] Perayu pertama kemudian dilihat berjalan ke arah belakang stesen tersebut.

[18] Setibanya dia di belakang stesen minyak, perayu pertama telah bertembung dengan SP8, SP5 dan Kpl Rizal. SP5 telah memperkenalkan diri sebagai polis dan apabila SP5 berbuat demikian, perayu pertama terkejut dan jatuh terduduk di atas simen di luar tandas. SP5 telah bertanya perayu pertama di mana dia simpan dadah dan perayu pertama terus mengeluarkan satu beg plastik warna hijau (P6A) dari dalam bajunya dan menyerahkan kepada SP5.

[19] Selepas itu SP5 bertanya kepada perayu pertama di mana lagi dadah yang dia bawa dan perayu pertama menunjukkan ke arah teksi yang dinaikinya tadi. SP5, SP8 dan dua lagi anggota

A polis kemudian menuju ke arah teksi tersebut dengan membawa perayu pertama bersama. Apabila sampai di situ SP5 mendapati anggota-anggotanya yang lain sudah pun menahan perayu kedua. Pemeriksaan telah dijalankan dan di bahagian bumbung teksi itu iaitu di pengadang cahaya, SP5 merampas satu bungkusan beg
B plastik putih (P7A). SP5 berkata bahawa sebelum dia mengambil beg plastik tersebut dari celah pengadang cahaya itu, pengadang cahaya itu rapat ke bumbung teksi. SP5 juga menyatakan bahawa sebaik sahaja dia masuk ke dalam teksi itu dia terus boleh nampak bungkusan plastik tersebut.

C

[20] Kedua-dua perayu dan teksi tersebut bersama-sama semua barang kes yang dirampas kemudiannya di bawa ke Balai Polis Jertih untuk pemeriksaan lanjut.

D **[21]** Pemeriksaan lanjut oleh Lans Koperal Norsilawati ("SP9") ke atas perayu pertama di Balai Polis Jertih, mendapati satu paket plastik biru di sebelah kiri coli perayu pertama dan seterusnya diserahkan kepada SP5. SP5 dapati paket itu mengandungi 200 biji pil bertanda 'WY'.

E **[22]** Selepas pemeriksaan lanjut ke atas barang rampasan dijalankan, SP5 mendapati P6A (yang telah dikeluarkan oleh perayu pertama dari dalam bajunya dan diserahkan kepada SP5 di tempat kejadian) mengandungi dua bungkusan surat khabar (P6B dan P6E) yang mengandungi 17 botol plastik berisi serbuk putih
F (P6 (1-10) dan P6F (11-17)). Manakala P7A (yang dijumpai dari celah pengadang cahaya teksi DU 3319) mengandungi dua bungkusan surat khabar (P7B dan P7E). Kedua-dua bungkusan tersebut mengandungi 15 plastik botol berisi serbuk putih (P7C (1-10) dan P7F (11-15).

G

[23] Keterangan Encik Abdullah Zawawi, ahli kimia ("SP1") mendapati berat bersih serbuk putih dari dalam 17 bekas botol plastik ialah 15.4853g. Setelah menjalankan analisa, serbuk putih itu didapati mengandungi heroin 12.25g, yang menjadi hal perkara
H pertuduhan pertama. Manakala berat bersih serbuk putih dari 15 botol plastik pula ialah 13.3443g dan analisa yang dijalankan oleh SP1 menunjukkan ia mengandungi 9.57g heroin, yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua.

I

[24] Keterangan juga menunjukkan bahawa teksi berkenaan yang dipandu oleh perayu kedua pada hari tersebut dimiliki oleh Encik Sakri bin Isa ("SP4") sejak tahun 1993. Teksi itu mempunyai permit kereta sewa atas nama SP4. Selepas membeli teksi tersebut, SP4 sendiri yang memandunya sehingga tahun 1999 apabila dia mendapat kerja lain. Teksi tersebut disimpannya dalam stor sehinggalah tahun 2002. Pada 27 Oktober 2002, perayu kedua telah menyewa teksi tersebut dari SP4 melalui satu perjanjian lisan. Perjanjian tersebut berkuatkuasa selama mana perayu kedua mahu menyewa teksi itu. Menurut SP4, sejak teksi itu disewakan kepada perayu kedua, dia (SP4) tidak pada bila-bila masa mengambil semula teksi tersebut.

Hujah Peguam Perayu-perayu

[25] Di hadapan kami, peguam perayu telah mengemukakan hujah-hujah seperti berikut:

(a) Sama ada Mak Long adalah perayu pertama.

(b) Sama ada perayu pertama ada membuat perundingan dengan SP8 tentang penjualan dadah.

(c) Sama ada YA hakim bicara yang bijaksana boleh menggunapakai elemen "transporting" dalam pembuktian pengedaran.

(d) Sama ada perayu kedua mempunyai niat bersama mengedar dadah.

Keputusan Mahkamah Ini

Alasan Pertama: Sama Ada Mak Long Adalah Perayu Pertama

[26] Peguam telah berhujah bahawa tiada sebarang fakta secara langsung yang menyamakan identiti Mak Long sebagai perayu pertama. Peguam perayu telah menarik ke perhatian kami bahawa perayu pertama tidak ada pada bila-bila masa memberitahu SP5 dan SP8 bahawa dia adalah sebenarnya Mak Long. Oleh yang demikian, peguam berhujah, YA hakim bicara telah terkhilaf apabila mendapati dan menggunapakai inferens bahawa perayu pertama adalah Mak Long.

[27] Kami tidak bersetuju dengan peguam mengenai isu yang dibangkitkan ini. Dari keterangan SP8 dan SP5 yang mana kami telah ringkaskan dan tekankan di atas, adalah jelas bahawa kehadiran perayu pertama mahupun perayu kedua di Stesen Minyak BP Kg. Jabi bukanlah satu kebetulan. Berhubung isu ini, YA hakim bicara dalam penghakimannya telah membuat penilaian maksimum semua keterangan SP5 dan SP8 dan seterusnya telah membuat penemuan fakta seperti berikut:

> Setelah menimbangkan fakta-fakta yang disenaraikan di perenggan [98(i)] hingga perenggan [98(xxvii)] penghakiman ini, hanya satu kesimpulan sahaja yang boleh dibuat dan saya telah membuat kesimpulan itu, iaitu, bahawa Mak Long (iaitu orang yang dihubungi oleh SP8 dalam beberapa percakapan telefon berkaitan dengan urusan pembelian dadah dalam kes ini), adalah orang kena tuduh pertama.

[28] Pada hemat kami, berdasarkan keterangan yang sedia ada dan melihat kesemua keterangan secara keseluruhan, YA hakim bicara telah membuat penemuan fakta yang betul. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu dapatan fakta tersebut (sila lihat: *Teng Howe Sing v. PP* [2008] 5 CLJ 186).

Alasan Kedua: Sama Ada Perayu Pertama Ada Membuat Perundingan Dengan SP8 Tentang Penjualan Dadah

[29] Peguam perayu telah berhujah bahawa tiada keterangan yang kukuh yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa perayu pertama telah membuat perundingan dengan SP8 tentang penjualan dadah. Peguam menyatakan bahawa perundingan hanya melalui telefon dan tiada sebarang perjumpaan berlaku.

[30] Memang benar dalam kes ini pihak pendakwaan bergantung kuat kepada keterangan SP8 untuk membuktikan terdapat perundingan untuk menjual dadah oleh perayu pertama. Dalam hubungan ini, SP8 dalam keterangannya telah memberi keterangan yang jelas dan terperinci tentang rundingan antara beliau dengan perayu pertama bagi mendapatkan 17 botol heroin dan dua kandang pil kuda dengan harga RM9,000. YA hakim bicara mendapati bahawa SP8 adalah saksi yang bercakap benar dan telah menerima keterangannya. Sungguhpun sebagai penyamar sulit, keterangan SP8 tidak memerlukan keterangan sokongan, namun dalam kes ini keterangan SP8 disokong, antaranya, dengan

penemuan dadah-dadah daripada perayu pertama dan dari dalam teksi yang berkenaan serta butir-butir tentang tarikh dan masa panggilan telefon di antara SP8 dan perayu pertama seperti terkandung dalam rekod telefon, P21 dan P22.

[31] Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa YA hakim bicara tidak melakukan salah arah dan telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa orang yang berunding dengan SP8 adalah perayu pertama.

Alasan Ketiga: Sama Ada YA Hakim Yang Bijaksana Boleh Menggunapakai Elemen "Transporting" Dalam Pembuktian Pengedaran

[32] Berhubung isu ini, peguam telah menarik ke perhatian kami bahawa Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") di akhir kes pendakwaan telah berhujah bahawa perbuatan perayu untuk 'menjual' dadah yang berkenaan kepada SP8 membuktikan elemen 'pengedaran' (sila rujuk ms. 248, 252 dan 253 RR). Oleh yang demikian, peguam berhujah bahawa keputusan YA hakim bicara yang sebaliknya menggunapakai elemen "transporting" boleh memprejudiskan pihak perayu.

[33] Kami mendapati alasan ini tidak ada merit. YA hakim bicara sebagai hakim yang membicarakan kes ini tidak terikat dengan penghujahan TPR dalam membuat sesuatu keputusan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab seorang hakim bicara membuat sesuatu keputusan berdasarkan hanya kepada keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan dijalankan. Prinsip undang-undang mengenai isu pengedaran dadah dapat dilihat dalam kes-kes: *Abdul Karim Pak Kub & Anor v. PP* [1997] 2 CLJ 383; *PP v. Mohamed Halipah Adan* [1981] CLJ 92; [1981] CLJ (Rep) 238, *Mohamad Yazri Minhat v. PP* [2003] 2 CLJ 65; *Ong Ah Chuan v. PP* [2008] 1 CLJ 337 dan *PP v. Sa'ari Jusoh* [2007] 2 CLJ 197.

[34] Kami mendapati YA hakim bicara dalam penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati isu mengenai elemen 'pengedaran'. Ini dapat dilihat dalam petikan penghakiman beliau seperti berikut:

> Dalam penghakiman saya, orang kena tuduh pertama telah ditangkap dalam melakukan perbuatan menyampaikan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain [the act of conveying from one place to another] dadah berbahaya, [12.25 gram heroin]. Ertinya, orang kena tuduh pertama telah mengangkut (transport) dadah

A berbahaya tersebut. Walaupun berat heroin itu kurang dari 15 gram yang diperuntukkan di bawah seksyen 37(da)(i) ADB, memandangkan kepada keadaan bagaimana heroin tersebut dijumpai (iaitu dimuatkan dalam 17 bekas plastik), dan yang lebih penting lagi memandangkan kepada bukti tentang negotiation di antara SP8 dengan orang kena tuduh pertama, tiada keraguan di fikiran saya bahawa heroin tersebut telah dibawa oleh orang kena tuduh pertama dari satu tempat lain ke Stesen Minyak BP tersebut bukan untuk kegunaannya sendiri, tetapi adalah dengan tujuan untuk disampaikan kepada SP8 seperti yang telah dijanjikan. Tiada keraguan di fikiran saya dan saya membuat kesimpulan bahawa orang kena tuduh pertama telah mengangkut (transport) heroin itu untuk tujuan pengedaran. Ini bererti pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* bahawa orang kena tuduh pertama telah mengedar 12.25 gram heroin.

[35] Melihat dan menimbangkan kesemua keterangan secara keseluruhan, kami berpendapat tidak terdapat sebarang salah arahan di pihak YA hakim bicara berkaitan dapatan yang dibuat oleh beliau berkaitan dengan perkara ini. Kami berpendapat YA hakim bicara telah menilai dengan secukupnya isu "pengedaran" ini.

Alasan Keempat: Sama Ada Perayu Kedua Mempunyai Niat Bersama Mengedar Dadah

[36] Peguam berhujah bahawa tidak terdapat keterangan yang menunjukkan perayu kedua mempunyai niat bersama bagi pertuduhan mengedar dadah. Menurut peguam tingkah laku perayu kedua semasa ditahan tidak menunjukkan beliau tahu perbuatan perayu pertama.

[37] Seksyen 34 KK memperuntukkan seperti berikut:

> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[38] Seksyen ini memperuntukkan bahawa apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggungjawab atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang (sila lihat: *Sabarudin Non*

v. PP & Other Appeals [2005] 1 CLJ 466). Sama ada wujudnya 'niat bersama' adalah merupakan suatu persoalan fakta yang perlu dinilai daripada keadaan sekitar kes ini. Dalam hubungan ini, YA hakim bicara telah mengambil kira dan menilai dengan begitu teliti dan terperinci isu ini seperti dapat dilihat dalam penghakiman beliau di ms. 385 sehingga 393. Seterusnya YA hakim bicara telah membuat dapatan yang berikut:

> Setelah menimbang fakta-fakta yang telah saya sebutkan di perenggan [102] penghakiman ini secara keseluruhannya, saya menolak kemungkinan bahawa orang kena tuduh kedua adalah seorang pemandu teksi yang innocent yang tidak tahu apa yang dilakukan oleh orang kena tuduh pertama. Dalam penghakiman saya tindakan orang kena tuduh kedua memandu teksi tersebut dan menghantar orang kena tuduh pertama ke Stesen Minyak BP Kg. Jabi, kemudian membuat pusingan U, berhenti di seberang jalan dan menunggu di teksi itu selepas membuka bonetnya adalah perbuatan-perbuatan yang mempunyai nexus dengan dan tidak dapat dipisahkan dari kesalahan yang menjadi subjek dalam pertuduhan P3. Perbuatan-perbuatan tersebut dilakukan dengan sedar dan sengaja oleh orang kena tuduh kedua dalam melaksanakan niat bersamanya dengan orang kena tuduh pertama iaitu mengedarkan heroin dalam 17 bekas plastik dalam P6A itu kepada SP8.

[39] Kami bersetuju dengan dapatan beliau. Kami berpendapat YA hakim bicara telah menilai dengan secukupnya semua keterangan tentang perkara ini. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila memutuskan terdapat keterangan yang menunjukkan niat bersama perayu kedua dan mengaplikasikan prinsip mantap undang-undang mengenai s. 34 KK kepada fakta kes ini. Dengan yang demikian hujah peguam perayu bahawa YA hakim bicara telah khilaf dalam penghakimannya kerana memutuskan perayu kedua mempunyai niat bersama di dalam mengedar dadah seperti pertuduhan pertama adalah tidak mempunyai merit.

Kesimpulan

[40] Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan serta juga hujah kedua-dua belah pihak, kami sebulat suara telah memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kedua-dua perayu bersalah

A dan mensabitkan mereka atas pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan. Kami berpuas hati bahawa kedua-dua sabitan dan hukuman terhadap perayu pertama dan kedua adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan ini ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman mati dan hukuman penjara terhadap mereka.

B

C

D

E

F

G

H

I